

01/07/2000

Restoran berasingan tidak pisahkan rakyat: Nik Aziz

KOTA BHARU, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata tiada bukti menunjukkan restoran berasingan antara orang Islam dan bukan Islam boleh memisahkan rakyat kepada beberapa kumpulan kecil di negara ini.

Katanya, kerajaan Pas Kelantan sudah lama mengadakan peraturan seperti itu dan sehingga sekarang tiada sebarang masalah yang berbangkit daripada mana-mana pihak.

"Kalau nak minum arak di Kelantan sememangnya ada kedai khas yang disediakan. Begitu juga kalau orang bukan Islam mahu membeli daging khinzir, terdapat kedai tertentu yang diluluskan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah pagi Jumaat di Pejabat Pas negeri, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dilaporkan dalam akhbar tempatan hari ini, bahawa cadangan Nik Aziz diwujudkan restoran berasingan bagi orang Islam dan bukan Islam tidak akan membantu menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Sehubungan itu, Nik Abdul Aziz berkata, kaedah itu sama seperti larangan merokok yang dilaksanakan oleh kerajaan di tempat awam, hospital dan pejabat kerajaan yang kini sudah berjaya mengurangkan mereka yang menghisap rokok.

Beliau berkata, selagi ada orang Islam dan bukan Islam di dunia ini, secara automatik sudah tentu mempunyai tempat dan perkara tertentu yang jelas tidak boleh disamakan.

"Kalau nak suruh bersatu belaka hanya melalui Islam lah baru boleh menyatukan semua kaum. Mana boleh satu benda dua macam, seperti lelaki dan perempuan yang berlainan jenis, kalau nak suruh orang lelaki beranak, mana boleh," katanya.

Terdahulu, ketika menyampaikan kuliah, Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, soal bangsa mana akan menjadi Perdana Malaysia pada masa depan tidak timbul dan tiada sebarang masalah.

Menurutnya, apa yang lebih penting bagi Pas ialah ialah seseorang itu mestilah beragama Islam.

"Bagi Pas Perdana Menteri tidak mengira sesiapa, asalkan dia itu adalah beragama Islam dan perkara ini Pas sudah lama mempunyai pendirian sedemikian," katanya.

(END)